



## TEKS UCAPAN

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA  
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG  
DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI**

**SEMPENA HARI ULANG TAHUN KE-72  
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA  
NEGERI PULAU PINANG**

**PADA 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN) JAM 9:00 PAGI**

**BERTEMPAT DI DEWAN SRI PINANG**

---

Bismillahirrahmanirrahim

**YAB. Tuan Chow Kon Yeow**

Ketua Menteri Pulau Pinang dan

YABhg. Puan Tan Lean Kee

**YB. Dato' Law Choo Kiang**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan

YABhg. Datin Teoh Hooi Tuang

**YB. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman**

Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang dan

YABhg. Datin Mohaini binti Mohd Saffar

**YB. Professor Dr. Ramasamy a/l Palanisamy**

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang dan

YBhg. Puan Kalaiarasi a/p Kolandhavelu

**YB. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar**

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan

YBhg. Datin Seri Arida binti Abdul Razak

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Yang Berbahagia Dato' Seri-Dato' Seri dan Datin Seri-Datin Seri

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Yang Berbahagia Konsul-Konsul Jeneral

Yang Berbahagia Konsul-Konsul Kehormat

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera

1. Segala puji-pujian bagi Allah SWT yang mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas semulia-mulia para Nabi dan Rasul dan penghulu kami junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda.
2. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana telah diberi izin-Nya untuk bersama-sama berada di Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 sempena Sambutan Hari Ulang Tahun saya yang ke-72 pada pagi ini.
3. Saya menzahirkan ucapan terima kasih kepada YAB. Ketua Menteri di atas ucapan tahniah dan ikrar taat setia kepada saya bagi pihak Kerajaan, anggota perkhidmatan awam dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang. Ucapan dan ikrar tersebut merupakan suatu pernyataan jujur serta simbol terhadap hubungan erat antara institusi Yang di-Pertua Negeri dan rakyat Pulau Pinang yang saling bergantungan dan bergerak seiring demi memastikan kelangsungan negeri kita terus terpelihara.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

4. Kita telah diuji dengan penularan wabak COVID-19 sejak tahun 2020. Melalui beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Penutupan Penuh (*Total Lockdown*) dengan kumulatif kes positif seramai 143,532 di Pulau Pinang sehingga 27 Oktober 2021, syukur Alhamdulillah, kes positif COVID-19 kini menunjukkan kadar penurunan yang signifikan di seluruh negara dan juga di Pulau Pinang. Dalam kesempatan ini saya dengan penuh dukacitanya mengucapkan takziah kepada seluruh ahli keluarga mangsa COVID-19 yang telah meninggal dunia. Saya juga mendoakan agar semua pesakit yang sedang bertarung melawan COVID-19 diberikan kesembuhan segera, Amin Ya Rabbal Al' Amin.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

5. Kadar vaksinasi lengkap di Pulau Pinang kini telah mencapai 82.2% pada 27 Oktober 2021 termasuk dewasa dan remaja. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada rakyat yang telah mengambil vaksin dan menjalankan tanggungjawab bagi melindungi diri, keluarga dan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menasihatkan individu yang masih belum mendapatkan suntikan vaksin agar segera berbuat demikian kerana pengambilan vaksin merupakan ikhtiar untuk mengurangkan jangkitan wabak COVID-19 ini.

6. Meskipun Pulau Pinang telah beralih ke Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Tiga (3) dan sempadan negeri kini dibuka bermula 11 Oktober 2021 yang lalu, ini tidak bermakna kita telah berjaya melawan pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, saya ingin mengingatkan supaya rakyat tidak lalai dan leka meskipun telah mendapat suntikan vaksin dan terus mematuhi amalan norma baharu serta SOP seperti menjaga kebersihan diri, memakai pelitup muka dan mengekalkan penjarakan fizikal demi mengawal wabak daripada terus merebak. Kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan segala usaha untuk menangani wabak ini berjaya dilaksanakan secara menyeluruh.

7. Di kesempatan ini juga saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada kepimpinan YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang, kerana dapat mentadbir Kerajaan Negeri dengan cemerlang walaupun negara dan Negeri Pulau Pinang sedang diuji dengan pandemik COVID-19.

Saya percaya, YAB. Ketua Menteri dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri yang diketuai oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri telah melaksanakan tanggungjawab dan memberikan komitmen yang terbaik bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan Negeri dapat berfungsi dengan baik khususnya dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang sedang berkuatkuasa pada masa ini.

8. Semua ini tidak dapat dicapai tanpa komitmen berterusan yang dizahirkan oleh barisan kepimpinan negeri, pegawai-pegawai, penjawat awam, serta rakyat dalam membangunkan negeri ini menerusi pelbagai strategi dalam mengembalikan kesejahteraan hidup seiring dengan usaha meningkatkan semula ekonomi serta kesihatan rakyat berikutan wabak COVID-19.

9. Sektor perkhidmatan terutamanya pelancongan merupakan antara sektor yang paling terkesan akibat penularan pandemik COVID-19. Penutupan sempadan dan sekatan perjalanan sebelum ini telah memberi impak yang ketara dalam sektor ini.

Saya percaya Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bagi mempelbagaikan produk baharu pelancongan, menaiktaraf produk sedia ada serta melaksanakan pelbagai inisiatif promosi secara berterusan untuk menarik lebih ramai pelancong dan menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama.

10. Saya dimaklumkan, sebagai negeri yang bertanggungjawab, Kerajaan Negeri melalui Pakej Bantuan Rakyat berjumlah **Ringgit Malaysia satu ratus tujuh puluh enam perpuluhan empat lima juta (RM176.45 juta)** telah disalurkan kepada individu-individu serta pihak yang terkesan sejak berlakunya penularan COVID-19 dari tahun 2020 sehingga kini. Bantuan yang disampaikan ini merupakan tanda dan bukti yang Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dengan nasib hidup rakyat dan berusaha memberikan yang terbaik bagi meringankan beban rakyat terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

11. Dalam keadaan ekonomi yang masih tidak begitu stabil ini, terdapat sebahagian rakyat yang turut terkena tempiasnya. Justeru itu, bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan, saya berharap Kerajaan Negeri akan terus memperkuuhkan prinsip urus tadbir yang baik serta efisien, dengan sebarang keputusan dasar perancangan pembangunan yang dibuat hendaklah berpaksikan kepada keadilan dan mengambilkira semua keperluan rakyat negeri ini tanpa mengira agama, bangsa dan kaum serta sebarang fahaman politik.
12. Kemodenan dan kemajuan yang dikecapi oleh negeri ini tidak akan membawa erti yang besar sekiranya rakyat dibelenggu dengan kesusahan dan dihimpit dengan peningkatan kos sara hidup yang tinggi. Oleh itu, sebagai sebuah Kerajaan berjiwa rakyat, peningkatan kos sara hidup perlu ditangani dengan lebih proaktif dan efektif. Sehingga ekonomi pulih kembali, saya dan Toh Puan sentiasa mendoakan agar rakyat negeri kita dapat melakukan penyesuaian diri untuk meneruskan kelangsungan hidup.

13. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengingatkan supaya rakyat sentiasa peka dengan perkembangan sekeliling dan sentiasa menjaga kesihatan diri dan keluarga agar dapat menjalani kehidupan yang berkualiti serta sejahtera. Di samping itu, dalam keadaan ekonomi dunia dan negara yang masih belum stabil, rakyat perlu mengamalkan budaya berjimat cermat dan meningkatkan tabungan masing-masing sebagai persediaan untuk menghadapi pelbagai kemungkinan pada masa depan. Namun, dalam masa yang sama saya yakin Kerajaan Negeri akan meneruskan program-program kebijakan yang telah dilaksanakan pada masa ini untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan.

14. Keperluan asas rakyat terutama kemudahan kediaman yang benar-benar mampu dimiliki perlu disediakan dan menjadi fokus utama kepada apa jua perancangan pembangunan yang dilaksanakan. Saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri mensasarkan sebanyak 220,000 unit Rumah Mampu Milik kepada rakyat Pulau Pinang menjelang tahun 2030 dengan kini sekitar 119,000 unit telah pun diduduki, dalam pelbagai fasa binaan atau dalam peringkat perancangan. Perumahan mampu milik yang sesuai adalah asas kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan seterusnya dapat memastikan kelancaran fungsi-fungsi ekonomi.

Terima kasih dan syabas diucapkan atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat untuk memiliki rumah sendiri yang selesa dan selamat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Di sebalik musibah COVID-19 ini, saya bersyukur kerana Pulau Pinang masih lagi aman dan stabil. Semangat perpaduan dan prihatin dalam kalangan rakyat juga terserlah apabila turut bersama-sama dengan kerajaan menghulur bantuan bagi mengurangkan beban pihak-pihak yang memerlukan. Semoga nikmat perpaduan dan keadaan harmoni di negeri ini dapat dikecapi secara berterusan sekaligus mengukuhkan asas yang mencorakkan kedamaian dan kemakmuran negara.

16. Saya amat berharap agar Negeri Pulau Pinang akan terus membangun dan mencapai Visi Penang2030 yang digagaskan oleh YAB. Ketua Menteri ke arah menjadi sebuah “Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara”. Semoga kepimpinan barisan pemimpin dan pentadbir Negeri Pulau Pinang akan terus menjadi penggerak dan peneraju kepada perubahan yang bermanfaat dan bermakna kepada rakyat Pulau Pinang.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Ulang Tahun saya yang Ke-72 Tahun pada hari ini. Anugerah ini merupakan tanda terima kasih dan pengiktirafan kerajaan kepada saudara dan saudari sekalian. Oleh itu, semua penerima hendaklah sentiasa diingatkan bahawa penganugerahan ini adalah sesuatu yang teristimewa kepada setiap penerima dan saya berharap agar semua penerima menjaga maruah, integriti dan nama baik diri bagi mengekalkan kemuliaan dan martabat anugerah ini.

18. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada anggota-anggota Jabatan Kesihatan Negeri, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Majlis Keselamatan Negara Negeri Pulau Pinang serta semua Anggota Perkhidmatan Persekutuan dan Negeri sebagai barisan hadapan dalam mempertahankan negeri demi kestabilan dan ketenteraman awam lebih-lebih lagi semasa perjuangan menentang penularan pandemik COVID-19.

Saya mewakili Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Pulau Pinang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas pengorbanan anda semua yang tidak pernah mengenal erti penat sehingga keselamatan diri menjadi taruhan demi kesihatan dan kepentingan rakyat.

19. Saya dengan ini juga mengambil kesempatan untuk menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua petugas, pasukan keselamatan, penjawat awam serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan Istiadat ini berjalan lancar.

20. Akhir sekali, saya dan Toh Puan berharap segala dugaan dan cabaran yang ditempuhi kini akan menguatkan lagi semangat perpaduan, perasaan bertimbang rasa dan prihatin antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa. Semoga Pulau Pinang terus menjadi negeri maju dan makmur demi masa depan yang lebih sejahtera dan gemilang.

Saya dan Toh Puan berdoa semoga seluruh rakyat terus dilimpahi Rahmat dan Hidayah Allah SWT untuk hidup harmoni dengan aman dan damai di tanah air tercinta ini.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.